

**Kerajaan Malaysia, Filipina 'berkonspirasi' dalam pencerobohan Lahad Datu**  
**The Malaysian Insider**  
**Sept 7, 2015**

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu hari ini diberitahu, kerajaan Malaysia dan Filipina "berkonspirasi" dalam perkara berkaitan pencerobohan bersenjata di Lahad Datu.

Kakitangan pemprosesan pemintas komunikasi, yang memberi keterangan sebagai "saksi terlindung" berkata, dalam perbualan telefon yang dipintas, seorang suspek Basil B Samiul diberi amaran oleh seorang lelaki dikenali "Lelaki Sabah" – kerana identitinya tidak didedahkan dalam perbualan itu – supaya berhati-hati dan bahawa "kita diperguna".

"Saya tidak tahu siapa 'kita' dan apa maksud Lelaki Sabah mengenai 'kerajaan Malaysia dan Filipina berkonspirasi'," kata saksi itu melalui jurubahasa mahkamah.

Perbualan Basil dan individu tersebut dalam bahasa Bajau dipintas oleh polis pada pukul 10.28 pagi, 25 Februari 2013.

Saksi itu memberi keterangan dalam perbicaraan terhadap 30 individu dikaitkan dengan pencerobohan oleh pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Saksi itu berkata Lelaki Sabah itu kemudian menyerahkan talian telefon kepada individu dikenali sebagai Han yang memberitahu Basil bahawa terdapat pengamal media menemuramah seorang sultan, meminta beliau (sultan) agar tidak mempercayai kerajaan Filipina.

Walaupun tidak dapat mengenal pasti identiti pengamal media terbabit, saksi terbabit berkata, Han memaklumkan kepada suspek bahawa pengamal media itu memberitahu sultan agar tetap dengan pendiriannya menuntut Sabah.

"Han juga bertanya kenapa Malaysia, sebagai sebuah negara Islam tidak mengembalikan Sabah kepada sultan," kata saksi itu.

Terdahulu, saksi itu berkata Basil menerima satu panggilan daripada individu lain yang dikenal pasti polis sebagai Lelaki Sabah, yang memberitahu suspek bahawa dia (Lelaki Sabah) mendengar berita di televisyen bahawa tentera Malaysia menawan Kampung Tanduo.

Dalam perbualan telefon menggunakan bahasa Malaysia yang dipintas pada pukul 3.44 petang, 24 Jan 2013, saksi itu berkata, Basil memberitahu individu terbabit bahawa berita-berita di Malaysia hanya menyiarkan kenyataan yang memihak kepada kerajaan Malaysia.

Sebanyak 27 orang rakyat Filipina dan tiga rakyat tempatan berdepan antara satu dan beberapa pertuduhan menjadi anggota kumpulan pengganas dan melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga didakwa merekrut anggota untuk kumpulan pegganas atau secara sukarela melindungi individu yang mereka ketahui anggota kumpulan pegganas.

Perbicaraan di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok. – Bernama, 7 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-malaysia-filipina-ber-konspirasi-dalam-pencerobohan-lahad-datu>